

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah sekolah baru SK Sri Sadong di Serian, Sarawak boleh ditukar nama kepada SK St Teresa, Serian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan sekolah kerajaan baharu iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Sadong, Serian, Sarawak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Pembinaan sekolah tersebut adalah bagi memenuhi keperluan pendidikan dan pertambahan penduduk di kawasan Serian. Projek ini bukan gantian kepada SK St. Teresa. Ini kerana SK Sri Sadong merupakan sekolah yang dibina menggunakan peruntukan kerajaan sepenuhnya. Pertukaran nama SK Sri Sadong kepada SK St Teresa akan menimbulkan kekeliruan kerana sekolah tersebut adalah sekolah yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Tambahan pula, SK St. Teresa telah dibatalkan pendaftarannya pada 25 Januari 2021 selaras dengan seksyen 87 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Oleh itu, pertukaran nama sekolah tersebut tidak dapat dipertimbangkan.